

KENYATAAN MEDIA

Segmen Fintech SEDANIA mengukuhkan pematuhan Syariah

Platform As-Sidq SEDANIA As Salam disahkan oleh AFSHA Shariah Advisory; dalam kedudukan yang strategik untuk memenuhi piawaian pematuhan Syariah yang tinggi

KUALA LUMPUR (9 DISEMBER): Unit Fintech SEDANIA Innovator Bhd (“SEDANIA”) SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (“SEDANIA As Salam”) mengukuhkan reputasinya sebagai salah satu penyedia penyelesaian teknologi kewangan (Fintech) patuh Syariah terkemuka melalui platform As-Sidq yang dipatenkan, baru-baru ini telah disahkan oleh Penasihat Syariah AFSHA (AFSHA), sebuah badan pensijilan audit institusi.

Ini menambah kredibiliti kepada platform As-Sidq yang telah memperoleh pensijilan pematuhan akademik daripada Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), dan mematuhi piawaian Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI).

Akreditasi oleh AFSHA bagi platform Tawarruq dagangan komoditi digital As-Sidq mengesahkan bahawa struktur dan dokumen platform As-Sidq adalah patuh Syariah dan tidak melanggar sebarang ketetapan Syariah untuk produk kewangan Islam.

Ini berbeza daripada bentuk komoditi tradisional yang lain seperti logam berharga dan komoditi berasaskan pertanian yang digunakan untuk memudahkan perdagangan Tawarruq, dimana penggunaan komoditi-komoditi tersebut mungkin tidak lestari.

Antara ciri utama As-Sidq yang penting dalam memastikan kejayaan semakan dan proses tapisan termasuk aliran proses Tawarruq dan urutan As-Sidq untuk agensi tunggal dan dwi agensi, pelbagai dokumen perdagangan dan e-sijil, integrasi As-Sidq dengan Sistem Pembiayaan Asal (Financing Origination System, FOS) dan Sistem Perbankan Teras (Core Banking System, CBS), serta Telco Airtime yang ditawarkan sebagai komoditi digital di As-Sidq.

Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA As Salam Nisa Ismail berkata, “Akreditasi terbaharu bagi platform As-Sidq kami yang diiktiraf dengan baik ini membuktikan komitmen sedia ada ke arah memastikan platform digital inovatif kami mematuhi sepenuhnya semua keperluan dan tidak melanggar prinsip-prinsip teras Syariah. Pengesahan sedemikian daripada badan institusi yang dihormati meningkatkan lagi daya maju dan daya tarikan komersial As-Sidq.

Pensijilan AFSHA meliputi pelbagai institusi kewangan daripada bank terkemuka peringkat tinggi sehinggalah kepada koperasi kredit kecil, membolehkan kami meluaskan lagi jangkauan kami. Selaras dengan misi SEDANIA untuk meningkatkan kehidupan secara lestari, akreditasi Syariah ini membantu kami memenuhi misi kami dengan lebih baik kerana AFSHA menyokong pembangunan inovatif produk Kewangan Islam yang ditawarkan di bawah kontrak Tawarruq untuk menangani isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dengan lebih baik.”

Sebagai pasaran kewangan digital sepenuhnya, As-Sidq membolehkan keseluruhan proses kemudahan kredit secara digital dengan berperanan sebagai platform pemerolehan dan platform konten untuk institusi perkhidmatan kewangan Islam, serta menghubungkan pengguna dengan lancar kepada rangkaian produk perbankan Islam

Sehingga kini, ia telah diterima pakai oleh lebih 80 institusi perkhidmatan kewangan Islam dan merupakan satu-satunya platform kewangan di rantau ini yang menggunakan komoditi digital untuk memudahkan penawaran produk institusi perkhidmatan kewangan Islam.

AFSHA Shariah Advisory Sdn Bhd, yang ditubuhkan pada 16 Mei 2008, berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menyediakan khidmat nasihat Syariah untuk institusi kewangan. Ia ditubuhkan terutamanya untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat daripada industri kewangan Islam untuk pusat setempat bimbingan Syariah profesional.

-TAMAT-

Mengenai Sedania As Salam Capital Sdn Bhd

Sedania As Salam Capital Sdn Bhd (SASC), adalah anak syarikat milik penuh Sedania Innovator Berhad, yang menyediakan teknologi untuk memperkasa institusi kewangan dengan penyelesaian fintech Islam.

Secara terasnya, As-Sidq adalah sebuah platform dagangan komoditi digital yang mematuhi Syariah yang memudahkan pembrokeran komoditi digital yang selamat, boleh digunakan secara langsung pada bila-bila masa untuk keperluan institusi kewangan Tawarruq (komoditi murabahah).

Bagi melengkapkan ekosistem fintech Islam kami, satu kolaboratif keupayaan perbankan dan kewangan komposit disediakan bagi membolehkan dan mempercepatkan kesediaan digital institusi kewangan.

Log masuk ke laman web syarikat kami di <https://www.sedaniaassalam.com/> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pemerksaan teknologi.

Untuk pertanyaan lebih lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong / Darryl Louis De Souza

Sedania As Salam Capital Sdn Bhd

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620 / +6017 2407 881

Emel: media@sedaniainnovator.com